

03 NOV 2002

Keadilan-Jemputan

KEADILAN MAHU TERUS BERSAMA PAKATAN PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata parti itu tetap bersama dalam pakatan parti-parti pembangkang.

"Kami ingin menegaskan bahawa kami tetap teguh dengan muafakat bersama Pas dalam barisan alternatif serta menjalin kerjasama dengan DAP dan akan memesatkan percantuman dengan PRM," katanya dalam satu kenyataan melalui telefon kepada Bernama di sini hari ini.

Kenyataan itu adalah sebagai respons kepada jemputan terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua parti pembangkang semalam untuk menyertai Barisan Nasional (BN) bagi sama-sama membangunkan negara selain bersatu menghadapi musuh luar.

Dalam ucapannya pada konvensyen BN Pulau Pinang itu Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN antara lain menjemput para anggota parti Keadilan menyertai Umno bagi meneruskan agenda membangunkan negara.

Perdana Menteri mencadangkan supaya parti Keadilan dibubarkan dan para anggotanya menyertai Umno sebagaimana yang berlaku pada Parti Semangat 46 pada suatu ketika dulu.

Dr Wan Azizah berkata beliau menghargai jemputan yang dibuat oleh Dr Mahathir kepada parti itu.

"Kami ucap terima kasih dan hargai pelawaan Dr Mahatir kepada Keadilan untuk menyertai BN," katanya.

Beliau berkata parti itu berpendapat bahawa keutamaannya sekarang ialah untuk menjamin keadilan bagi semua, termasuk membebaskan pemimpin-pemimpin parti itu yang dipenjarakan mengikut apa yang beliau dakwa sebagai proses yang dipertikai.

-- BERNAMA

MUN AFY ROS